



SIARAN MEDIA

SAMBUTAN HARI KANAK-KANAK 2023 “HAK KAMI, MASA DEPAN KAMI”

JOHOR BAHRU 20 NOVEMBER – YB Dato’ Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, hari ini telah merasmikan Majlis Sambutan Hari Kanak-Kanak Peringkat Kebangsaan Tahun 2023, bertempat di Grand Ballroom Holiday Villa, Johor Bahru. Johor.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin ke atas kanak-kanak yang merupakan aset penting yang bakal mencorak masa hadapan negara. Bagi menjamin kesejahteraan dan kebajikan kanak-kanak, KPWKM telah melaksanakan beberapa inisiatif yang antaranya ialah penubuhan Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak (JPKK), menambahbaik Sistem Daftar Pesalah Jenayah Seksual Kanak-Kanak (eDKK), mewujudkan Garis Panduan Pengurusan Penempatan Kanak-kanak Kepada Ibu Bapa Peliharaan dan Orang Yang Layak dan Sesuai (OYLS), mewujudkan Garis Panduan Pemasangan CCTV di TASKA serta pelancaran lantikan Skwad Waja Insaniah sebagai Pembantu Pelindung Kanak-Kanak. KPWKM juga turut menjalin kerjasama strategik bersama Mahkamah Persekutuan dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) untuk menambahbaik sistem *vetting*/tapisan bagi memastikan kanak-kanak tidak terdedah kepada pesalah jenayah.

Pada tahun ini sambutan Hari Kanak-Kanak mengangkat tema “**Hak Kami, Masa Depan Kami**”. Signifikan pemilihan perkataan “**Hak Kami**” pada tema sambutan pada kali ini, ialah berdasarkan kepada empat perkara utama yang digariskan di dalam Convention on the Right of Child (CRC) berkaitan hak kanak-kanak iaitu Hak Kehidupan/ Kelangsungan Hidup, Hak Perlindungan, Hak Perkembangan dan Hak Penyertaan. Manakala, “**Masa Depan Kami**” bermaksud kanak-kanak merupakan pewaris dan pemimpin negara, bangsa dan agama dalam sesebuah negara pada masa hadapan. Sambutan pada kali ini menyaksikan penganugerahan empat (4) Anugerah utama iaitu Anugerah Pingat Hang Tuah, Anugerah Kanak-Kanak

Gemilang Sukan, Anugerah Kanak-Kanak Gemilang Kebudayaan & Kesenian, dan Anugerah Gemilang OKU.

Anugerah Pingat Hang Tuah yang diperkenalkan sejak tahun 1960, dianugerahkan kepada kanak-kanak yang telah menunjukkan sifat keberanian yang istimewa dan luar biasa. Tujuan utama penganugerahan ini adalah untuk mengiktiraf kanak-kanak yang telah menunjukkan keberanian dalam membantu menyelamatkan nyawa manusia, harta benda atau tindakan yang mempunyai elemen keberanian serta luar biasa sewaktu kecemasan, bencana, kemalangan atau darurat. Anugerah Gemilang pula, diberikan khusus kepada kanak-kanak yang telah meraih pencapaian tertinggi dalam bidang kebudayaan dan kesenian, Sukan dan OKU yang mempunyai pencapaian tertinggi dalam bidang kebudayaan dan kesenian, akademik dan sukan.

Pada tahun ini **Anugerah Pingat Hang Tuah dianugerahkan kepada Adik Altamis Faiz bin Shahrullizam yang berumur 9 tahun**, berasal dari Kuala Selangor yang telah menyelamatkan enam (6) orang anggota keluarganya daripada menjadi mangsa dalam tragedi kebakaran pada 4 September 2023 yang lalu.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua pemenang Anugerah. Selamat Menyambut Hari Kanak-Kanak Peringkat Kebangsaan 2023, “Hak Kami, Masa Depan Kami”.

Turut hadir YB Puan Hajah Khairin-Nisa binti Ismail @ Md On, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor, YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM dan Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian dan Agensi di bawah KPWKM.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
20 NOVEMBER 2023**